

Warisan budaya buka pelbagai peluang, laluan kejayaan bagi belia

Festival Belia DKSG 2026 ketengah bagaimana seni, warisan budaya dapat bina jati diri, kreativiti generasi muda



Suasana penutup Festival Belia DKSG (Dikir Singapura) 2026 diserikan dengan sesi 'DKSG Jamming' apabila peserta, penggiat seni dan pengunjung bersama-sama menyanyikan lagu 'Eh Wau Bulan' di bawah hujan di Taman Warisan Melayu pada 11 Julai. – Foto-foto BM oleh NUR DIYANA TAHÄ

NUR SYUHRAH HASSAN
nsyuhrah@sph.com.sg

Terdapat banyak peluang untuk berkembang dan pelbagai laluan kejayaan yang boleh dikecapi bagi belia yang berminat menerokai bidang warisan budaya.

Malah, penglibatan dalam seni dan warisan budaya bukan sahaja memperkukuh jati diri, ia membina pelbagai kemahiran seperti kreativiti, keyakinan diri, kepimpinan dan komunikasi

yang semakin penting dalam dunia pekerjaan hari ini, kata satu panel dalam podcast langsung *Berita Harian* (BH), NoTapis, semasa Festival Belia DKSG (Dikir Singapura) 2026 di auditorium Taman Warisan Melayu pada 11 Julai.

Berkongsi pengalaman, mereka berkata bidang seni turut membuka pelbagai peluang kerjaya dalam ekosistem industri kreatif, seperti dalam bidang pendidikan, penulisan, penerbitan

kandungan dan pelbagai peranan profesional lain.

Podcast langsung bertajuk, *Minat Warisan Budaya, Belia Boleh Berjaya?*, itu dihoskan penerbit NoTapis BH, Cik Natasha Mustafa, dan menampilkan Pengarah Eksekutif Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM), Encik Didicazli Ismail; pengasas syarikat teknologi dan arkitek data, Encik Shamir Rahim; serta tukang karut muda kumpulan Endang Ratiana daripada Politeknik Republic, Cik Nur Syahindah Aqilah Zakaria.

Turut menjadi topik perbincangan ialah bagaimana teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan platform digital boleh dimanfaatkan bagi menjadikan warisan budaya lebih dekat dan relevan kepada generasi muda.

Encik Shamir berpandangan, perkembangan pesat AI menjadikan kreativiti manusia semakin bernilai berbanding sekadar pengetahuan teknikal.

"Dengan \$20 sebulan, anda ada 'pakar Doktor Falsafah (PhD)' dalam telefon. Yang penting sekarang ialah kreativiti dan imaginasi. Pada saya, budaya itulah tempat asal usul kreativiti.

"AI boleh membantu kita, tetapi kreativiti tetap datang daripada manusia. Sebab itu seni dan budaya menjadi semakin penting dalam dunia hari



Podcast langsung *Berita Harian* (BH) bertajuk, 'Minat Warisan Budaya, Belia Boleh Berjaya?', semasa Festival Belia (Dikir Singapura) 2026 di Taman Warisan Melayu pada 11 Julai menampilkan (dari kiri) penerbit NoTapis BH selaku moderator, Cik Natasha Mustafa; Pengarah Eksekutif Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM), Encik Didicazli Ismail; pengasas syarikat teknologi dan arkitek data, Encik Shamir Rahim; dan tukang karut muda daripada Politeknik Republic, Cik Nur Syahindah Aqilah Zakaria.

ini," ujar Encik Shamir.

Sementara itu, Encik Didicazli berkata masyarakat tidak seharusnya melihat bidang seni secara sempit.

"Kalau kita ingin melihat seni, jangan ingat duit dulu. Seni membina keyakinan diri, kebolehan dan kemahiran.

"Dalam ekosistem seni ada penulis skrip, jurugambar, pengurus pentas, juruteknik bunyi dan ramai lagi yang membina kerjaya melalui bidang ini," kata Encik Didicazli.

Bagi Cik Nur Syahindah pula, walaupun pernah berdepan tanggapan bahawa penglibatan dalam seni hanya 'membuang masa', beliau memilih untuk terus mengembangkan minatnya kerana percaya warisan budaya memainkan peranan penting dalam membentuk identiti generasi muda.

Podcast itu merupakan antara acara festival yang diadakan buat pertama kali dengan bertemakan *Rentas Belia*.

BH merupakan rakan media rasmi festival itu, yang dianjurkan bersama Sanggar, Dikir Barat Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Taman Warisan Melayu.

Menurut Editor BH, Encik Mohd Nazry Mokhtar, kerjasama itu sejajar dengan usaha transformasi BH untuk mendekati golongan belia melalui platform dan pendekatan yang lebih dekat dengan mereka.

"Di bawah transformasi BH, kami telah meningkatkan usaha untuk mendekati golongan belia.

"Justeru, kami melihat Festival Belia DKSG sebagai platform yang sangat baik untuk mendekati golongan muda dalam suasana yang lebih santai dan interaktif.

"Podcast secara langsung pula membolehkan perbincangan berlangsung dengan lebih segar dan dekat dengan hadirin.

"Ia juga selaras dengan usaha transformasi BH untuk menyampaikan kandungan dalam pelbagai format yang lebih sesuai dengan cara generasi muda mendapatkan maklumat hari ini," katanya.

Encik Nazry berkata perbincangan mengenai warisan budaya juga penting kerana minat terhadap budaya tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang hanya berkaitan dengan masa lalu.

Pengarah Festival dan Pengasas bersama Sanggar, Encik Muhammad Ilyia Kamsani, menjelaskan festival itu dianjurkan ketika penyertaan belia dalam seni dikir barat semakin memberangsangkan.

"Saya berharap belia diperkasa untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan dunia warisan.

"Saya juga mahu melihat lebih banyak wacana serta idea baru dipersembahkan dengan cara yang lebih segar dan progresif," katanya.